

Peralihan kuasa tidak sepatutnya dibangkitkan

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, isu peralihan kuasa Perdana Menteri tidak sepatutnya dibangkitkan lagi.

Beliau berkata, perkara itu telah diputuskan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Mei tahun lepas.

"Isu ini tidak timbul kerana kita dah ada perjanjian dahulu masa kita pergi ke PRU, kita katakan Perdana

Menteri akan, dan Perdana Menteri yang susulan itu, itulah yang dijanjikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan MySTEMI Foundation di sini, hari ini.

Beliau mengulas gesaan bekas Timbalan Presiden PKR, Syed Husin Ali yang mendesak peralihan kuasa pentadbiran negara oleh Tun Dr.



**WAN AZIZAH
WAN ISMAIL**

daripada keputusan Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

UM - 4/10/2019 m/s: 3
Mahathir Mohamad dilakukan segera yang kemudiannya menerima kenyataan balas termasuk oleh Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, dengan menyifatkan gesaan itu tidak bertanggungjawab dan terpesong

Ditanya sama ada isu peralihan kuasa berkenaan akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH akan datang, Dr. Wan Azizah berkata; "Saya fikir perkara itu telah pun dipersetujui apa lagi yang hendak dibincangkan?"

Dr. Wan Azizah yang juga Presiden PH berkata, lebih banyak isu lain, yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan PH. "Kita ada isu lain, isu penyakit jantung misalnya, isu nak perbetulkan negara kita," katanya. - BERNAMA